

Kenyataan Kuan Yew mengenai masyarakat Cina Malaysia PM mahu penjelasan

MM-24/9/2006

Oleh HABIBAH OMAR
dan HELMI MOHD. FOAD

SEPANG 23 Sept. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mendapatkan penjelasan daripada bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew berhubung kenyataannya bahawa orang Cina di Malaysia dipinggirkan secara sistematik.

Sambil menyifatkannya sebagai tidak wajar, Perdana Menteri berkata, ia adalah kenyataan yang tidak sepatutnya dilakukan oleh seorang pemimpin negara jiran.

Menurutnya, Kuan Yew perlu memahami bahawa hubungan antara Malaysia dan Singapura perlu dipelihara dengan baik.

"Saya akan tulis surat kepada dia (Kuan Yew), saya nak penjelasan daripada dia, tentang apa yang berlaku dan apa sebab dia kata begitu.

● Kuan Yew perlu minta maaf - Muka 3


"Ia berupa satu kenyataan yang kesannya boleh menghasut rakyat Malaysia daripada keturunan Cina. Itu satu kesan yang mungkin berlaku," katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, petang ini sejurus tiba dari London.

Perdana Menteri berada di luar negara sejak 9 September lalu untuk menghadiri Sidang Kemuncak Asia-Eropah (ASEM) Ke-6 di Helsinki, Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) dan Kumpulan 15 (G-15) di Havana, menghadiri sesi ke-61 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York dan lawatan kerja dua hari ke United Kingdom.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor serta beberapa menteri Kabinet turut menyambut kepulangan Perdana Menteri.

Abdullah mengulas kenyataan Kuan Yew pada forum sempena mesyuarat Bank Dunia-Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) di



ABDULLAH Ahmad Badawi diiringi Najib Tun Razak bersalam dengan orang ramai sejurus tiba di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, semalam.

● Lihat muka 2

Sambungan dari muka 1

PM mahu penjelasan

Singapura Jumaat lalu.

Kuan Yew yang merupakan pengasas Parti Tindakan Rakyat (PAP) dilaporkan berkata, sikap Malaysia dan Indonesia terhadap Singapura dibentuk oleh cara layanan mereka terhadap etnik Cina minoriti di negara mereka sendiri.

Menteri Mentor itu mendakwa Malaysia dan Indonesia mempunyai masalah dengan kaum Cina masing-masing kerana mereka berjaya dan bekerja kuat dan justeru secara sistematik mereka dipinggirkan.

Abdullah menegaskan, Singapura akan menghadapi masalah jika keadaan di Malaysia tidak stabil kerana ia mempunyai banyak kepentingan terutama dari segi ekonomi.

Kenyataan yang dikeluarkan oleh beliau itu adalah satu kenyataan yang

tidak wajar dan kita tak terima dan tidak dialu-alukan.

"Saya tidak nampak apa kewajarannya yang Kuan Yew patut mengeluarkan kenyataan itu dengan analisis apa jua yang dia buat.

"Kita tahu mereka (Singapura) pun juga ada masalah dan dari segi hubungan kaum, bukan semua begitu baik seratus peratus," katanya.

Abdullah juga berkata, beliau bersejua dengan Najib yang turut menyifatkan bahawa kenyataan Kuan Yew itu adalah nakal.

Mengulas usul negara Arab supaya Israel mendedahkan stok senjata nuklearnya yang ditolak negara-negara Barat pada persidangan mengenai nuklear di Vienna yang berlangsung sekarang, Abdullah menyelar sikap tidak adil dan

berat sebelah Barat itu.

"Mereka menyokong Israel sampai tahap tidak wajar dan isunya kini mereka cuba menghukum negara lain terutama negara Islam apabila ada usul dari negara Arab supaya Israel membuat pengesahan mengenai senjata nuklearnya.

"Kenapa mereka nak halang usul itu, serablak kepada Israel apa yang dia (Israel) nak cakap kepada negara Arab.

"Ini terlalu nak lindung Israel sangat dalam hal ini. Ini yang menjadi antara fakta yang menimbulkan rasa tidak senang hati di kalangan negara Islam," katanya.

Barat, katanya, suka menghakimi negara lain terutama negara Islam dengan mengandaikan penyelidikan nuklear mereka (negara Islam) untuk membuat bom nuklear walaupun ia sebenarnya digunakan untuk menjana tenaga.